

Nama: \_\_\_\_\_

Tingkatan: \_\_\_\_\_

**SULIT**  
12/1  
Bahasa Melayu  
Kertas 1  
Pep Percubaan  
2004  
1 1/2 Jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
SMK Berangan, Tumpat**

---

**BAHASA MELAYU**  
Kertas 1 – Set 1  
Satu jam tiga puluh minit

---

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu jawapan** sahaja.*
4. *Fikir dengan teliti ketika memilih jawapan. Jika anda hendak menukar sesuatu jawapan, padamkan sehingga bersih tanda yang tidak dikehendaki itu dan kemudian bulatkan pilihan anda yang baru.*

**Arahan Am :**

*Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu jawapan** sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

## Soalan 1 hingga Soalan 6

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Usaha kerajaan menggubal Dasar Sosial Negara dengan tujuan membangunkan masyarakat Malaysia yang teguh dalam segenap segi, demi kesejahteraan negara merupakan langkah yang tepat pada masanya. Ketika kita dikejutkan dengan keadaan hubungan kaum yang dirasakan rapuh, maka penggubalan dasar baru ini dapat menyumbang kepada usaha mengukuhkan perpaduan antara kaum. Memang benar, keutuhan hubungan kaum tidak boleh dipertahankan *secara retorik dan simbolik semata-mata*. Amalan superfisial seperti itu hanya boleh menyumbang kepada keutuhan perpaduan antara kaum ditahap-tahap tertentu sahaja. Program-program yang menggalakkan kemesraan hubungan antara kaum perlu ditunjangi dengan dasar yang lebih mendalam dan bererti. Jika tidak, kita bimbang apa yang dilakukan itu hanyalah mekap yang menampilkan keindahan keharmonian masyarakat, tetapi di sebaliknya menyimpan suatu pergolakan yang bila-bila masa sahaja boleh meletus.

Seperti titah Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-10, dasar ini akan menekankan pembentukan masyarakat Malaysia yang sihat, teguh, dan utuh moral, kerohanian, emosi, mental, dan fizikal. Sesungguhnya, anggota masyarakat yang mempunyai ciri-ciri tersebut akan mampu mewujudkan hubungan antara kaum yang harmoni dan berpadu. Dalam hal ini, faktor fizikal amat penting, iaitu suasana sihat dan persekitaran selesa di tempat-tempat tinggal kediaman dan kerja akan dapat mendorong suasana harmoni. Kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai kemudahan asas sempurna termasuk tempat rekreasi dan interaksi sosial akan mewujudkan suasana yang memudahkan kerjasama antara jiran.

Kita percaya bahawa keselesaan fizikal ini akan menyumbang kepada keseimbangan mental, dengan harapan emosi melulu tidak akan menjadi dorongan, sebaliknya perasaan perkauman yang tidak bertempat akan terhakis. Namun begitu, kita sedar bahawa untuk menjayakan dasar sosial ini, faktor ekonomi dan pendidikan perlu diambil kira. Anak-anak muda daripada semua kaum harus mempunyai harapan masa depan yang cerah supaya mereka merasakan masyarakat kita memberi ruang kepada mereka. Untuk itu, peluang pendidikan asas perlu dikecapi dengan diselaraskan pada peluang pekerjaan yang sepadan bagi masa depan mereka. Harapan dan masa depan yang ditanamkan di jiwa mereka menerusi program tertentu dapat membantu menyemai perasaan patriotisme dan sayang akan negara dalam kalangan orang ramai.

Sememangnya, semua orang menyayangi kaum masing-masing dan mahu mempertahankan identiti mereka kerana hal tersebut merupakan lumrah alam. Tetapi, kesedaran tentang kepentingan bersama melalui perpaduan negara akan mendorong mereka untuk mengutamakan agenda nasional. Semangat patriotisme yang wujud di dalam diri menyebabkan mereka tanpa ragu-ragu menerima cadangan bagi menggalakkan perpaduan antara kaum. Keadaan lebih

terarah apabila semua pemimpin, termasuk menteri tidak membangkitkan isu-isu sensitif. Manakala masyarakat akan disedarkan dengan sejarah tanah air, menyebabkan mereka tidak berani mempertikaikan hak-hak keistimewaan sesuatu kaum.

1. Apakah tujuan diwujudkan Dasar Sosial Negara?
  - A. Dasar yang tepat pada masanya.
  - B. Dapat memperteguh perpaduan kaum.
  - C. Semua kaum dapat hidup berbaik-baik.
  - D. Membangunkan masyarakat yang lengkap.
  
2. Rangkaian kata *secara retorik dan simbolik semata-mata* membawa maksud...
  - A. kata-kata yang indah.
  - B. ungkapan yang palsu.
  - C. gambaran yang berdasarkan kenyataan.
  - D. mempengaruhi masyarakat dengan cerita yang menarik.
  
3. Mengapakah taman perumahan patut menyediakan tempat rekreasi?
  - A. Orang ramai dapat memanfaatkan masa yang terluang.
  - B. Taman perumahan akan lebih berfungsi.
  - C. Masyarakat dapat berinteraksi.
  - D. Kanak-kanak dapat beriadah.
  
4. Walaupun mahu mempertahankan identiti kaum masing-masing, setiap kaum perlu...
  - A. terlalu angkuh dengan identiti yang dimiliki.
  - B. menghormati identiti kaum-kaum lain.
  - C. memikirkan kaum-kaum yang lain.
  - D. sedar akan kepentingan bersama.
  
5. Pada pandangan anda, mengapakah penulis mencadangkan menteri tidak membangkitkan isu-isu sensitif?
  - A. Banyak isu lain yang boleh dibangkitkan.
  - B. Akan diikuti oleh seluruh anggota masyarakat.
  - C. Bimbang boleh mengeruhkan perpaduan yang dipupuk.
  - D. Boleh menghilangkan keyakinan masyarakat terhadap pemimpin.

6. Pilih pernyataan yang **tidak** benar.

- A. Masyarakat perlu didedahkan kepada sejarah negara.
- B. Dasar sosial perlu mengambil kira faktor ekonomi dan pendidikan
- C. Perlu diadakan program untuk melahirkan rasa cinta kepada tanah air.
- D. Masyarakat digalakkan mempertikaikan hak-hak keistimewaan sesuatu kaum.

### **Soalan 7 hingga Soalan 12**

*Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

...Hingga sekarang semua pokok terung kelayuan kerana panas.

“Tain! Kamu mahu kepala kamu pecahkan duduk tengah panas begitu, ha?”

Matain terkejut mendengar jerkahan emaknya. Kenang-kenangan tentang anak-anak terung hilang terbang. Matain bangkit berjalan menuju ke pelangkah pagar. Matain tidak memandang kepada sesiapa lalu terus langkah pelangkah pagar dan berjalan ke rumah. Seluar ditangannya diayun ke kanan dan ke kiri. Sekali dua Matain tunduk pungut daun-daun kering yang menarik minatnya. Kemudian dia mencampakkan daun-daun itu kembali ke tanah.

“Tain sudah mandi?” Kak Jarah tegur Tain di telaga. Matain berpaling. Kak Jarah tengah mandi. Dia berkemban gantung. Ada dua tiga helai baju, mungkin kain yang disidai oleh Kak Jarah di tali penjemur kain.

“Mari mandi, Tain!”

Matain pergi ke telaga. Kak Jarah karai tali timba dan jirus air ke kepala Matain. Kak Jarah gosok sabun ke tubuh Matain. Harum dan semerbak baun sabunya. Matain berasa segar dan senang hati dengan layanan Kak Jarah.

“Mak buat apa di kebun?”

Matain tidak menjawab pertanyaan Kak Jarah.

Matain hanya membiarkan Kak Jarah menggosok dan membilas badannya dengan air yang sejuk dan nyaman.

“Kenapa Tain diam? Tain sudah makan? Kakak beli sotong kering untuk Tain. Lepas mandi nanti Tain ambil di dalam beg buku kakak. Jangan tunjukkan pada Sitiawa.”

Baru padan dengan muka Sitiawa! Kak Jarah sayang padanya. Kak Jarah selalu beli buah tangan kalau kalau balik dari sekolah. Padan dengan muka Sitiawa. Padan! Padan!

Matain melonjak-lonjak gembira. Air pada tubuhnya memercik sana sini.

“Tadi Awa makan gulai ikan keli. Mak tidak bagi pada Tain. Mak sayangkan Awa. Tadi, Mak pukul Tain.”

“Malam nanti, Tain boleh makan gulai itu dengan kakak dan semua orang. Awa makan seorang diri tidak seronok!”

(Dipetik daripada cerpen *Anak Bumi Tercinta*  
karya Fatimah Busu)

7. Mengapakah Matain dimarahi oleh ibunya?
- A. Dia belum mandi.
  - B. Dia berjalan-jalan di kebun.
  - C. Dia duduk di bawah cahaya matahari yang terik.
  - D. Dia membiarkan pokok-pokok terungnya layu.
8. Mengapakah Matain menuduh ibunya tidak menyayanginya?
- A. Dia telah dipukul oleh ibunya.
  - B. Dia tidak diberi gulai ikan keli dan dipukul oleh ibunya.
  - C. Awa berpeluang untuk makan gulai ikan keli.
  - D. Kakaknya Jarah saja yang menyayanginya.
9. Apakah nilai murni pada Kak Jarah yang dapat diperhatikan daripada petikan ini?
- A. prihatin
  - B. dedikasi
  - C. tegas
  - D. penyabar
10. Latar tempat petikan ini ialah...
- A. di bilik mandi di dalam rumah Matain.
  - B. di kebun terung dan di telaga.
  - C. di sungai dan di kebun terung.
  - D. di dapur dan di kebun terung.
11. Cerita ini membawa tema...
- A. penderitaan masyarakat tani.
  - B. penderitaan jiwa seorang kanak-kanak.
  - C. tanggungjawab seorang ibu dan kakak.
  - D. kehidupan masyarakat desa yang serba kekurangan.
12. Apakah yang terjadi kepada watak Matain pada penghujung cerita ini?
- A. mengadu kepada kakaknya
  - B. berjaya juga menikmati gulai ikan keli
  - C. mati kerana terjatuh ke dalam telaga
  - D. lari daripada rumah

### Soalan 13 hingga Soalan 18

Baca petikan prosa di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Maka dalam berkata-kata itu maka berbunyi pula orang gempar di tengah pesara, terlalu huru-hara mengatakan orang mengamuk dalam kampung Bendahara Paduka Raja. Maka Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu pun segeralah berlari-lari keluar berdiri di muka pintu melihat orang pesara itu berlarian ke sana ke mari: ada yang bersembunyi di bawah kedai, ada yang lari naik kedai, ada yang naik pagar tiada sempat lalu jatuh.

Maka tatkala itu Bendahara pun hendak masuk menghadap diiringkan oleh segala pegawai dan pertunanan. Maka Bendahara Paduka Raja pun sampailah pada antara kedai Hang Tuah itu. Hatta maka orang yang mengamuk empat itu pun datanglah dengan keris bertelanjang berlari-lari, barang yang terlintang ditikamnya. Apabila dilihat orang mengamuk itu Bendahara Paduka Raja berjalan di tengah pesara itu, maka keempatnya pun berlari-lari menuju Bendahara. Maka segala pegawai dan pertunanan yang di belakang Bendahara itu semuanya lari ke dalam kampung, ada yang lari naik ke atas kedai. Apabila dilihat oleh Bendahara kelakuan segala pegawai dan pertunanan meninggalkan dia itu, maka Bendahara pun berdiri seraya memegang hulu kerisnya menantikan amuk orang itu. Maka orang itu pun datanglah menuju Bendahara.

Apabila dilihat oleh Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekiu, tiadalah tertahan hatinya lalu memekik, katanya, "Cih, mengapa pula begitu! Apa kudasyatkan akan orang mengamuk empat ini tambahan empat puluh lagi tiada kuendahkan padaku," serta dihunus kerisnya kelima-limanya lalu berlari ke hadapan Bendahara Paduka Raja berdiri kelimanya. Maka orang mengamuk itu pun datang keempatnya, serta katanya, "Hai kanak-kanak, aku hendak membunuh Bendahara dan Temenggung juga!" Maka kata Hang Tuah dan Hang Jebat, "Cih, si celaka! Tiadakah engkau tahu akan akulah hulubalang di tanah Bentan ini. Aku dititahkan oleh Duli Yang Dipertuan akan membuang yang derhaka ini." Demi didengar oleh orang empat itu kata Hang Tuah demikian, maka ia pun terlalu marah, serta diusirnya akan Hang Tuah dan Hang Jebat. Ditikam-tikamnya berturut-turut.

(Dipetik daripada *Keberanian Lima Bersaudara*)

- 13 Apakah perkara utama yang ditonjolkan menerusi peristiwa Hang Tuah lima bersaudara menewaskan orang-orang yang mengamuk itu?
- A kehandalan Hang Tuah lima bersaudara
  - B keadaan negeri Melaka yang huru-hara
  - C sikap pengiring Bendahara yang pengecut
  - D ketaatan Hang Tuah lima bersaudara kepada raja

- 14 Siapakah yang berhutang nyawa kepada Hang Tuah lima bersaudara?
- A Duli Yang Dipertuan
  - B Bendahara Paduka Raja
  - C Masyarakat kampung
  - D Pengiring Bendahara Paduka Raja
- 15 Tindakan pegawai-pegawai Bendahara yang lari meninggalkan Bendahara ketika diserang oleh orang-orang yang mengamuk menunjukkan sikap mereka yang...
- A pembelot.
  - B pembohong.
  - C pengecut.
  - D penderhaka.
- 16 Di manakah Bendahara diserang oleh orang-orang yang mengamuk itu?
- A di istana sultan
  - B di rumah Bendahara
  - C dekat dengan rumah Hang Tuah
  - D di depan rumah Hang Jebat
- 17 Susun urutan cerita *Keberanian Lima Bersaudara*.
- A Orang mengamuk menyerang Bendahara → Mereka berlima dilantik sebagai biduanda → Lima bersaudara tamat berguru
  - B Lima bersaudara tamat berguru → Mereka berlima dilantik sebagai biduanda → Orang mengamuk menyerang Bendahara
  - C Lima bersaudara tamat berguru → Orang mengamuk menyerang Bendahara → Mereka dilantik sebagai biduanda
  - D Mereka berlima dilantik sebagai biduanda → Lima bersaudara tamat berguru → Orang mengamuk menyerang Bendahara
- 18 Yang berikut adalah pengajaran keseluruhan teks *Keberanian Lima Bersaudara*, **kecuali**...
- A kita hendaklah patuh kepada pemerintah
  - B kita jangan lari daripada medan peperangan
  - C kita perlu mementingkan diri kita dahulu
  - D kita perlu mempunyai perasaan cinta akan negara

### Soalan 19 hingga Soalan 24

Baca petikan syair di bawah ini dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### SYAIR CINTAI ALAM SEKITAR

<p>Aduhai adikku kakak berpesan, Kelak dirimu jadikan panduan, Cintailah keindahan jaga kebersihan, Persekitaran indah tiada penemaran.</p> <p>Kempen kebersihan bersama dihayati, Udara nyaman pasti dinikmati, Sihat badan wajah berseri, Negara aman hidup harmoni.</p> <p>Jadilah warga bertimbang rasa, <i>Kepada alam membuat jasa,</i> Tanah dan tumbuhan dipelihara, Kerosakan tiada bumi sejahtera.</p> <p>Air sungai mengalir damai, Ombak berlagu memukul pantai, Unggas bernyanyi suasana permai, Di hari minggu kita bersantai.</p>	<p>Jerebu berleluasa melanda negara, Kebakaran dan kilang punca angkara, Lapisan ozon semakin derita, Tanamkan kesedaran atasi segera.</p> <p>Amalan meludah membuang sampah, Mengotorkan sekitar mesti ditegah, Menghisap rokok menagih dadah, Perbuatan yang buruk perlu ditegah.</p> <p>Balak ditebang sesuka hati, Tanah runtuh di sana sini, Rancang pembangunan dengan teliti, Wujudkan keseragaman pentingkan kualiti.</p> <p>Pelbagai bunga menghias taman, Dapat dilihat sepanjang jalan, Indah pemandangan destinasi pelancongan, Majukan negara tingkatkan pendapatan.</p> <p style="text-align: right;"><b>RAFE'AH ABDUL RAHMAN</b></p>
--	---

19. Apakah punca utama berlakunya kejadian tanah runtuh?

- A. pembangunan yang tidak terancang
- B. pembalakan secara berleluasa
- C. asap daripada kilang
- D. sungai yang tercemar

20. Lapisan ozon terjejas disebabkan oleh...

- A. asap dari kilang.
- B. jerebu yang berleluasa.
- C. warga yang tidak bertimbang rasa.
- D. Alam yang kotor.

21. Apakah tema yang dibawa oleh syair ini?
- A. Kewajipan memelihara alam
  - B. Keburukan pencemaran
  - C. Cinta terhadap alam sekitar
  - D. Manusia dan alam sekitar
22. Yang berikut ialah seruan yang terkandung dalam syair ini, **kecuali**...
- A. kita perlu memelihara alam semula jadi.
  - B. Kita tidak harus mencemari alam.
  - C. manusia perlu menghargai unsur-unsur alam.
  - D. manusia perlu menggunakan unsur-unsur alam untuk kemajuan.
23. Frasa *kepada alam membuat jasa* dalam syair ini ialah contoh...
- A. inversi.
  - B. metafora.
  - C. hiperbola.
  - D. anafora.
24. Yang berikut merupakan pengajaran daripada syair ini, **kecuali**...
- A kita hendaklah bersama-sama menjaga alam sekitar.
  - B kita hendaklah menghargai keindahan alam sekitar.
  - C jangan menebang pokok sesuka hati.
  - D kita perlu menjauhkan diri daripada perokok.

### Soalan 25 hingga Soalan 32

Lengkapkan ayat-ayat di bawah dengan **memilih** perkataan yang **paling sesuai**.

25. Pengetua sekolah kami \_\_\_\_\_ perasaan kesalnya terhadap masalah disiplin pelajar yang semakin buruk.
- A mengemukakan
  - B menimbulkan
  - C mendakwa
  - D melahirkan
26. Majlis kesyukuran di rumah Haji Mahbob itu bertujuan untuk \_\_\_\_\_ kejayaan anaknya menjejakkan kaki ke menara gading.
- A memeriahkan
  - B meraikan
  - C menyambut
  - D menyokong

- 27 Dia berlagak \_\_\_\_\_ orang kaya walaupun sebenarnya dia hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.
- A seelok-elok
  - B seolah-olah
  - C sebaik-baik
  - D seboleh-boleh
- 28 Apabila loceng tamat persekolahan berbunyi, maka murid-murid pun \_\_\_\_\_ keluar dari kawasan sekolah itu.
- A berlegar-legar
  - B berkepul-kepul
  - C berjurai-jurai
  - D berbondong-bondong
- 29 Sejak Kempenn Inflasi Sifar \_\_\_\_\_, harga barangan di negara kita makin meningkat.
- A dilancarkan
  - B dilepaskan
  - C diisytiharkan
  - D dirasmikan
- 30 Untuk menjadikan bidang sains sebagai bidang yang menarik, \_\_\_\_\_ kaedah pengajaran yang membolehkannya menjadi berkesan perlu dilakukan.
- A penggubalan
  - B penyusunan
  - C pertukaran
  - D penyesuaian
- 31 Kami mendengar berita bahawa Wahida \_\_\_\_\_ hendak melanjutkan pelajaran ke luar negeri.
- A berura-ura
  - B berkali-kali
  - C berfikir-fikir
  - D berpura-pura
- 32 Zahid dikehendaki menjalani tempoh \_\_\_\_\_ selama tiga bulan di syarikat itu sebelum disahkan bekerja secara tetap.
- A penepatan
  - B perbicaraan
  - C pengajaran
  - D percubaan

**Soalan 33 hingga Soalan 40**

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditanda dengan **A**, **B**, dan **C**. Tandakan sama ada **A**, **B** atau **C** jika ayat itu mempunyai kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan dalam ayat berkenaan.

33 Pada pagi tadi ayah Norman telah menelefon saya bertanyakan sama ada anaknya itu ada di rumah saya mahupun tidak. Tiada kesalahan

**A** **B**  
**C** **D**

34 Apakah nama sahabat anda yang berkunjung ke sini semalam dan mengapakah dia sering ke sini? Tiada kesalahan

**A** **B** **C** **D**

35 Pelajar itu tergagap-gagap bila disoal siasat oleh pengetua kerana datang lewat. Tiada kesalahan

**A** **B** **C**  
**D**

36 Sesudah bersalam-salaman, Azman melayangkan matanya ke setiap penjuru bilik. Tiada kesalahan

**A** **B**  
**C** **D**

37 Kumpulan penganas dan pihak tentera saling tembak-menembak selama dua jam setengah sebelum kumpulan penganas tersebut menyerah kalah. Tiada kesalahan.

**A** **B** **C**  
**D**

38 Kesemua projek perumahan yang dibangunkan oleh syarikat pembenaan itu terbengkalai akibat daripada kegawatan ekonomi. Tiada kesalahan.

**A** **B**  
**C** **D**

39 Restoran Muslim terletak berdekatan dengan mini Zoo Melaka, iaitu di hujung jalan sehalu. Tiada kesalahan.

**A** **B**  
**C** **D**

- 40 Kebanyakan anggota keluarga saya sukakan filem yang penuh dengan  
A B C  
adekan sedih. Tiada kesalahan.  
D

**Soalan 41 hingga Soalan 46**

*Sebahagian daripada ayat-ayat berikut telah digarisi. Bahagian yang bergaris itu mungkin mempunyai kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Jika anda menganggap bahawa bahasa pada bahagian yang bergaris itu salah dan perlu diubah, anda hendaklah menandakan A, B atau C sebagai jawapan pilihan anda. Jika tiada kesalahan, tandakan D.*

- 41 Kakitangan kerajaan sedang menjalankan kursus induksi bagi memungkinan mereka disahkan dalam jawatan.  
A Kakitangan kerajaan sedang jalani kursus induksi  
B Kakitangan kerajaan sedang menjalani induksi kursus  
C Kakitangan kerajaan sedang menjalani kursus induksi  
D Kakitangan kerajaan sedang menjalankan kursus induksi
- 42 Memandangkan keadaan politik yang tidak menentu di kota itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak berkunjung ke situ.  
A ramai orang dinasihatkan supaya tidak berkunjung ke situ  
B orang ramai dinasihati supaya tidak berkunjung ke situ  
C orang ramai dinasihatkan tidak mengunjungi ke situ  
D orang ramai dinasihatkan supaya tidak berkunjung ke situ
- 43 Puan Faridah menghadaiahi sepasang anting-anting kepada anaknya sempena hari jadinya yang kelima belas.  
A Puan Faridah menghadaiahi sepasang anting-anting pada anaknya  
B Puan Faridah menghadaiahkan sepasang anting-anting kepada anaknya  
C Puan Faridah menghadaiahkan kepada anaknya sepasang anting-anting  
D Puan Faridah menghadaiahi sepasang anting-anting kepada anaknya
- 44 Beberapa pelancong-pelancong asing telah terlibat dalam kejadian kemalangan di lebuhraya itu.  
A Beberapa pelancong asing  
B Beberapa pelancong-pelancong asing  
C Beberapa orang pelancong asing  
D Beberapa pelancong-pelancong asing
- 45 Buku yang dipinjamkan oleh Ramli saya telah baca pada minggu lepas.  
A saya telah membaca pada minggu lepas  
B telah saya membaca pada minggu lepas  
C telah saya baca pada minggu lepas  
D saya telah baca pada minggu lepas

- 46 Pelajar-pelajar digalak bekerjasama di dalam melakukan persediaan sebelum berlangsungnya Hari Keusahawanan di sekolah mereka.
- A digalakkan bekerjasama dalam melakukan persediaan
  - B digalakkan bekerjasama di dalam melakukan penyediaan
  - C digalak bekerjasama dalam melakukan persediaan
  - D digalak bekerjasama di dalam melakukan persediaan

**Soalan 47 hingga Soalan 50**

*Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.*

- 47 **Penderitaan rakyat di luar bandar lebih ketara kalau dibandingkan dengan penderitaan rakyat di bandar.**
- A Orang menderita di luar bandar lebih banyak jika dibandingkan dengan orang di bandar.
  - B Penduduk di luar bandar nampaknya lebih menderita daripada penduduk di bandar.
  - C Kebanyakan penduduk di luar bandar hidup menderita seperti penduduk di bandar.
  - D Orang di luar bandar jelas lebih menderita berbanding dengan orang di bandar.
- 48 **Sesiapa yang mahu menyertai Seminar Sastera Kebangsaan dikehendaki membayar wang pendahuluan sebanyak RM50.00**
- A Dengan pendahuluan wang sebanyak RM50.00, sesiapa pun boleh turut serta dalam Seminar Sastera Kebangsaan.
  - B Wang muka sebanyak RM50.00 hendaklah diberikan kepada sesiapa yang ingin menyertai Seminar Sastera Kebangsaan.
  - C Wang pendahuluan RM50.00 perlu dijelaskan terlebih dahulu bagi sesiapa yang ingin mengikuti Seminar Sastera Kebangsaan.
  - D Dalam Seminar Sastera Kebangsaan, sesiapa yang menyertainya diwajibkan menjelaskan RM50.000 sebagai wang pendahuluan.
- 49 **Teknologi maklumat yang semakin berkembang telah mendapat perhatian ramai di seluruh dunia.**
- A Perkembangan dalam dunia teknologi maklumat telah mendapat perhatian ramai di seluruh dunia.
  - B Di seluruh dunia, orang ramai telah mula mengembangkan minat dalam bidang teknologi maklumat .
  - C Sambutan terhadap teknologi maklumat telah diberikan oleh orang ramai di seluruh dunia.
  - D Masyarakat dunia telah memberikan perhatian terhadap teknologi maklumat yang semakin berkembang pesat.

- 50** Kini masyarakat mula menghargai tanah terbiar dan sedar betapa pentingnya sumbangan sektor pertanian kepada negara.
- A** Masyarakat mula menyedari kepentingan dan sumbangan tanah terbiar kepada sektor pertanian negara.
  - B** Sumbangan sektor pertanian mula disedari oleh masyarakat kerana terdapat banyak tanah terbiar.
  - C** Menghargai tanah terbiar dan mengetahui kepentingan sumbangan sektor pertanian telah menyebabkan masyarakat semakin prihatin.
  - D** Orang ramai kini telah mula menyedari kepentingan sektor pertanian negara dan menghargai kawasan tanah yang terbiar.

**Soalan 51 dan Soalan 52**

*Pilih peribahasa yang paling sesuai* bagi soalan-soalan di bawah ini.

- 51** Sebelum wartawan itu mengajukan pertanyaan, artis itu sudah pun memberikan jawapannya kerana artis tersebut tahu perkara yang bermain di hati wartawan tersebut.  
Keadaan ini diibaratkan...
- A** ukur baju di badan sendiri.
  - B** banyak perjalanan, luas pemandangan.
  - C** seperti langau di belakang gajah.
  - D** sekilas ikan di dalam air, sudah tahu jantan betinanya.
- 52** Pemuda itu memperoleh kekayaan daripada harta pusaka keluarganya, tetapi dia tidak tahu cara hendak menggunakan harta tersebut.  
Keadaan ini diibaratkan...
- A** seperti kera mendapat bunga.
  - B** seperti tebu di mulut gajah.
  - C** bagai menghitung bulu kambing.
  - D** seperti anjing dengan kucing.

**Soalan 53 hingga Soalan 56**

*Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan yang berhuruf condong dengan betul dan tentukan bahawa anda telah memilih cadangan jawapan yang paling sesuai.*

- 53** I Dua orang penjenayah telah menembak mati dua orang pegawai keselamatan sebelum *melarikan* barangan kemas.  
II Aminah telah *melarikan* mukanya ke arah lain.  
III Ketika perang meletus pada minggu lalu, dia telah *melarikan* diri ke dalam hutan.  
IV Dia telah *melarikan* ingatannya yang tidak elok terhadap peristiwa silam.
- A** I dan II sahaja
  - B** II dan III sahaja
  - C** I dan III sahaja
  - D** II, III dan IV sahaja

- 54 I Banyak membaca dapat meningkatkan *penguasaan* ilmu seseorang.  
II Kita perlu berjumpa dengan pihak *penguasaan* kawasan ini sebelum kita membuat tinjauan.  
III *Penguasaan* ekonomi dunia oleh negara-negara Barat perlu diseimbangkan secepat mungkin.  
IV Rakyat negara ini perlu *penguasaan* bidang komputer untuk bersaing dengan rakyat negara lain.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C II, dan IV sahaja  
D I, III dan IV sahaja
- 55 I Semut dan anai-anai yang *merayap* di tanah menyebabkan kanak-kanak itu takut berjalan.  
II Beberapa buah kereta lembu kelihatan *merayap* perlahan-lahan di jalan raya.  
III Akar pokok yang besar itu bercabang-cabang dan *merayap* di atas tanah.  
IV Kadang-kadang lelaki bujang itu *merayap* sampai subuh.
- A I dan II sahaja  
B II dan III sahaja  
C II, III dan IV sahaja  
D I, II, III dan IV
- 56 I Dia menerima jawatan itu kerana dikatakan *penyesuaian* dengan keinginannya.  
II Kajian yang mendalam amat diperlukan untuk memastikan *penyesuaian* tenaga mahir di negara ini dengan teknologi yang pesat berkembang.  
III Pasangan itu memerlukan masa yang lama untuk *penyesuaian* rumah barunya.  
IV Perkembangan dalam bidang komputer begitu pesat sehingga langkah-langkah *penyesuaian* dengan kemajuan itu perlu dilakukan segera.
- A I dan III sahaja  
B II dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja

### Soalan 57 hingga Soalan 60

Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul dan tentukan bahawa anda telah memilih jawapan cadangan yang paling sesuai.

- 57 I Setelah beberapa tahun bertungkus-lumus belajar di universti, akhirnya dia berjaya menggenggam segulung ijazah.  
II Dia yang menggambarkan dirinya pelukis terkenal tanah air.  
III Orang ramai ketawa berdehem-dehem apabila mendengar lawak jenaka kumpulan Senario.  
IV Kita digalakkan meningkatkan ilmu pengetahuan dengan rajin membaca bahan bacaan bermutu.
- A I dan II sahaja  
B I dan IV sahaja  
C I, II dan III sahaja  
D II, III dan IV sahaja
- 58 I Hamizah bolak-balik di dalam biliknya sambil berfikir.  
II Dari hari ke sehari dia kelihatan semakin kurus.  
III Penduduk di kawasan pedalaman itu masih ketinggalan dari segi pendidikan.  
IV Berdasarkan hujahnya, jelaslah bahawa pelajar itu memang bersalah.
- A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II, dan III sahaja  
D I, II, III dan IV
- 59 I Mereka ialah kumpulan graduan pertama yang dilahirkan oleh universiti itu.  
II Mereka membincangkan persoalan itu selama lima jam setengah.  
III Kegigihan para pelajar itu telah mendapat pengiktirafan daripada pihak sekolah.  
IV Hanya segelintir pelajar yang terbabit dalam kes jenayah telah dipecat oleh Pengetua.
- A I dan II sahaja  
B I dan III sahaja  
C I, II, III sahaja  
D I, II, III dan IV

- 60** **I** Pengunduran tentera tidak mungkin dapat dilakukan selagi keadaan politik di rantau itu masih bergolak.
- II** Tiada gunanya memuatkan perkara yang remeh-temeh di akhbar.
- III** Apakah nama kanak-kanak yang menarik perhatian para hakim dalam pertandingan itu?
- IV** Tujuan logaritma adalah untuk mempermudah kerja kira-kira biasa.
- A** I dan II sahaja
- B** II dan III sahaja
- C** I, II dan IV sahaja
- D** I, II, III dan IV

### **KERTAS SOALAN TAMAT**